

2 Jam 15 Minit

Dua jam lima belas minit

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi **tiga** bahagian: **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.***
2. *Jawab **lima** soalan daripada **Bahagian A** , **dua** soalan di **Bahagian B** dan **satu** soalan **wajib** di **bahagian C.***
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*
6. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

---

Kertas ini mengandungi 9 halaman bercetak

*[Lihat halaman sebelah*

**Bahagian A**  
[ 50 markah]  
*Jawab lima soalan sahaja*

- 1 (a) Terangkan tujuan perniagaan menawarkan barang atau perkhidmatan ? [4 markah]
- (b) Gambar 1 menunjukkan bentuk perniagaan lain yang terdapat di Malaysia




Gambar 1

- (i) Terangkan pihak-pihak yang terlibat dalam perjanjian urusniaga bentuk perniagaan di [4 markah]
- (ii) Berikan ciri-ciri umum bentuk perniagaan yang dinamakan dalam soalan 1 (b) (i) [2 markah]
- 2 (a) Situasi berikut berkaitan dengan peranan kerajaan dari aspek ekonomi.

Fenomena A	Fenomena B
Kenaikan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan	Kejatuhan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan

- (i) Nyatakan Fenomena A dan Fenomena B [2 markah]
- (ii) Jelaskan peranan kerajaan dalam menangani masalah Fenomena B [4 markah]

- (b) Rajah 1 menunjukkan graf kitaran ekonomi



Rajah 1

Jelaskan kitaran ekonomi yang berlaku pada fasa I dan fasa II [4 markah]

- 3 Gambar 2 di bawah menunjukkan dua jenis organisasi.



Organisasi A

Organisasi B

Gambar 2

- (a) Apakah objektif organisasi A dan organisasi B? [2 markah]

Pernyataan di bawah merupakan petikan ucapan oleh Pengurus Operasi Suria Berhad dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Syarikat.

...wabak Covic -19 yang melanda seluruh dunia telah menggagalkan pencapaian matlamat dan objektif perniagaan kita secara keseluruhannya...

- (b) Terangkan **dua** kesan kepada perniagaan berdasarkan petikan ucapan di atas. [4 markah]
- (c) Senaraikan **empat** aspek penting yang digambarkan dalam carta organisasi. [4 markah]

4

Gambar 3 di bawah berkaitan dengan sejenis pengurusan di sebuah gudang perniagaan.



Gambar 3

- (a) (i) Apakah jenis pengurusan tersebut? [1 markah]
- (ii) Jelaskan **lima** tujuan pengurusan di 4(a)(i). [5 markah]
- (b) Berikan maksud kemahiran keboleherjaan. [4 markah]
- 5 (a) Mengapakah sesebuah perniagaan mengambil perlindungan insurans untuk sumber fizikalnya? [3 markah]
- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan tujuan mengurus sumber teknologi.

Syarikat Miju Sdn. Bhd membuat keputusan mengikat kontrak selama enam tahun dengan lima orang pekerja yang telah diberi latihan insentif di Korea

Mengapakah Syarikat Miju Sdn. Bhd membuat keputusan tersebut?

[3 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan kewangan Adilazh Songket Terengganu.

Untung bersih	RM300 000
Jualan bersih	RM550 000
Modal Awal	RM1 350 000

Kirakan :

- (i) Peratus margin untung bersih [2 markah]  
(ii) Peratus pulangan atas modal [2 markah]

- 6 (a) Berikut adalah maklumat berkaitan dengan produk kesihatan milik Encik Rosli.

Encik Rosli telah memulakan perniagaan menghasilkan produk pemakanan kesihatan. Setelah memulakan perniagaan, beliau ingin mengetahui pihak-pihak berkepentingan yang secara langsung atau tidak langsung kepada penyata kewangannya.

Jelaskan kepentingan penyata kewangan kepada pihak yang berkepentingan di bawah.

- (i) Pembekal  
(ii) Pelabur  
(iii) Pemilik perniagaan [6 markah]
- (b) Bagaimanakah analisis penyata pendapatan dapat membantu operasi kewangan sesebuah perniagaan? [2 markah]
- (c) Gambar 4 menunjukkan ikon usahawan yang berjaya di Malaysia.



Gambar 4

Nyatakan **dua** keberuntungan perniagaan kepada seseorang usahawan.

[2 markah]

**Bahagian B**  
[ 30 markah]  
*Jawab Dua soalan sahaja*

7 Jadual 1 yang berikut berkaitan dengan perniagaan Encik Ahmad

PERKARA	BUTIRAN
Nama perniagaan	Melon Farm Sdn .Bhd.
Bentuk pemilikan	Sendirian Berhad
Aktiviti perniagaan	Pelbagai variasi buah melon dan biji benih
Jumlah jualan pada tahun 2019	RM2.5 juta
Bilangan pekerja tetap	10 orang
Modal berbayar	RM250 000

- (a) Nyatakan saiz perniagaan Encik Ahmad berdasarkan jadual 1. [1 markah]
- (b) Jelaskan kelebihan perniagaan Encik Ahmad berdasarkan saiz perniagaan yang dinyatakan pada soalan 7(a). [7 markah]
- (c) Terangkan cabaran yang dihadapi oleh Encik Ahmad apabila memilih saiz perniagaan tersebut. [7 markah]

8 Pernyataan berikut berkaitan dengan Perniagaan Sasabun.

Perniagaan Sasabun merupakan perniagaan milik bumiputera di Terengganu yang telah memiliki empat buah cawangan seluruh Terengganu.

Perniagaan ini mempunyai 450 orang pekerja tetap yang terdiri daripada rakyat Malaysia. Syarikat ini juga menjual pelbagai produk keluaran pengusaha tempatan. Perniagaan Sasabun akan menjelaskan bayaran kepada pengusaha tempatan dalam masa kurang 30 hari sahaja.

Pengurusan Sasabun amat menjaga kebajikan semua kakitangannya dengan menyediakan skim penggajian yang menarik dan pemberian insentif yang munasabah.

- (a) Terangkan **tiga** peranan bahagian fungsian yang bertanggungjawab khusus kepada kesemua kakitangan Perniagaan Sasabun. [7 markah]

- (b) Mengapakah pihak pengurusan Perniagaan Sasabun menyediakan kemudahan berikut ?
- (i) Skim penggajian yang menarik [4 markah]
  - (ii) Pemberian insentif yang munasabah [4 markah]
- 9 (a) Pernyataan berikut berkaitan dengan perniagaan Syarikat Mukminah
- Syarikat Mukminah merancang untuk mengeluarkan Tempoyak Petai Kak Mukminah secara besar-besaran. Puan Naimah, pengurus pemasaran diminta untuk merancang campuran pemasaran bagi produk tersebut. Dalam masa yang sama, Syarikat Mukminah menghadapi masalah kekurangan modal. Untuk mengatasi masalah tersebut, Syarikat Mukminah menyediakan Rancangan Perniagaan untuk memohon pinjaman daripada pihak bank.
- Nyatakan kepentingan menyediakan rancangan perniagaan tersebut. [4 Markah]
- (b) Jelaskan elemen rancangan pentadbiran yang dihasilkan dalam rancangan perniagaan Syarikat Mukminah. [3 Markah]
  - (c) Terangkan campuran pemasaran bagi produk Tempoyak Petai Kak Mukminah. [8 Markah]


**Bahagian C**  
[20 markah]  
Soalan ini **wajib** dijawab

10 Qiyah Bakery merupakan sebuah kedai yang menjual pelbagai jenis kek, menyediakan tempahan kek untuk majlis tertentu dan perkhidmatan penghantaran kek kepada pelanggan. Qiyah Bakery dimiliki dan diurus sepenuhnya oleh Puan Raqiyah. Beliau dibantu oleh dua orang anak perempuannya dan sepuluh orang pekerja. Qiyah Bakery telah ditubuh dan didaftarkan pada 1 Disember 2018 dan seterusnya memulakan operasi perniagaan pada 1 Januari 2019.

Pada peringkat awal penubuhannya sumber pembiayaan Qiyah Bakery adalah pinjaman daripada agensi kerajaan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) bernilai RM50 000.


Jumlah jualan bagi pasaran kek menunjukkan peningkatan sepanjang tahun 2019 dengan jumlah jualan setahun sebanyak RM362 000. Peningkatan ini mendorong kepada peningkatan aktiviti dan operasi perniagaan. Situasi ini menunjukkan satu trend persekitaran perniagaan yang memberangsangkan.

Peningkatan aktiviti perniagaan juga membolehkan Qiyah Bakery menguasai syer pasaran di daerah Kuala Terengganu berbanding pesaing-pesaingnya.



Rajah 2





Rajah 3

Pandemik COVID 19 yang mula melanda negara pada awal tahun 2020 telah mendatangkan impak yang besar kepada ekonomi negara. Krisis ekonomi ini telah menyebabkan penurunan dalam pendapatan perniagaan Qiyah Bakery. Qiyah Bakery tidak mampu menanggung kos operasi yang tinggi. Oleh itu, Puan Riqiyah terpaksa mengurangkan kos operasi dengan memberhentikan 8 orang pekerjanya.

Berdasarkan petikan di atas, jawab soalan berikut:

- |     |  |            |
|-----|--|------------|
| (a) | Jelaskan proses pendaftaran Qiyah Bakery.  | [5 markah] |
| (b) | (i) Nyatakan sumber pembiayaan Qiyah Bakery  | [1 markah] |
|     | (ii) Jelaskan kelebihan sumber pembiayaan di (b)(i)  | [3 markah] |
| (c) | (i) Apakah trend persekitaran perniagaan yang dialami Qiyah Bakery?                                      | [1 markah] |
|     | (ii) Jelaskan faktor dalaman dan faktor luaran yang mempengaruhi trend persekitaran perniagaan di (c)(i) | [4 markah] |
| (d) | Kira syer pasaran Qiyah Bakery bagi tahun 2019.  | [2 markah] |
| (e) | Jelaskan jenis pengangguaran yang wujud.   | [4 markah] |

**KERTAS SOALAN TAMAT**